

1983

PELABUHAN KELANG, 2 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, KHASNYA UMNO, SUPAYA MENGURUS DAN MENTADBIRKAN HARTA DAN HAK MILIKNYA YANG LAIN DENGAN BETUL SUPAYA TIDAK TIMBUL PENYELEWENGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA HARTA DAN HAK MILIK PARTI PERLU DITADBIRKAN OLEH ORANG-ORANG YANG JUJUR DAN BERAMANAH SUPAYA APABILA PENTADBIRAN ATAU PUCUK PIMPINAN PARTI BERTUKAR, HARTA TERSEBUT TIDAK HILANG BEGITU SAHAJA.

PENGURUSAN HARGA SECARA BETUL JUGA PERLU BAGI MENGELAKKAN SUNGUTAN DARI PARA ANGGOTA ATAU TONMAH DARI MEREKA YANG IRIHATI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA BELIAU DUKACITA KERANA MENGETAHUI BEBERAPA HARTA YANG DIMILIKI OLEH UMNO TELAH HILANG BEGITU SAHAJA APABILA PUCUK PIMPINAN PARTI DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU BERTUKAR TANGAN.

"PENDEDAHAN INI BUKAN BERTUJUAN HENDAK MERENDAH-RENDahkan MARUAH UMNO TETAPI HENDAKLAH MENJADI SATU PERINGKAT KEPADA SEMUA PIHAK SUPAYA SENTIASA JUJUR DAN AMANAH," TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN UMNO CAMANGAN PELABUHAN KELANG DI SINI. -- LAGI 1833/II  
ZCZC B609

MAHATHIR - AMANAH 2 PELABUHAN KELANG

PERDANA MENTERI BERKATA HARTA PARTI BUKANLAH HAK MILIK INDIVIDU YANG MENJADI PEMIMPIN DI TEMPAT TERSEBUT SAHAJA TETAPI IA ADALAH ILIK SEMUA ANGGOTA UMNO YANG PERLU DIWARISI OLEH GENERASI MASA DEPAN.

GENERASI MASA DEPAN JUGA BERHAK ATAS SEMUA HARTA UMNO SUNGGUHPUN MEREKA HANYA DATANG UNTUK MENGAMBIL ALIH PIMPINAN PARTI TANPA MENGALAMI KESUSAHAN DAN KEPAHITAN PERJUANGAN DARI MULA, KATANYA LAGI.

MENURUT BELIAU, KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DAN KEMPEN "KEPIMPINAN MELALUI TELADAN" MERUPAKAN ANTARA BENTENG YANG DIPERJUANGKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENYEMAI BIBIT-BIBIT YANG BAIK UNTUK SETIAP INDIVIDU MENJADI LEBIH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA DIRI SENDIRI, MASYARAKAT, AGAMA DAN NEGARA.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN AHLI-AHLI POLITIK SUPAYA TIDAK MELUPAI MATLAMAT PERJUANGAN PARTI UNTUK SEMATA-MATA MENUMPUKAN USAHA DALAM BIDANG PERNIAGAAN YANG DIJALANKAN OLEH PARTI.

KATANYA, MELUPAI PERJUANGAN PARTI BERERTI MELEMAHKAN PERJUANGAN MEMBELA HAK DAN NASIB SENDIRI DAN PERKARA BEGINI MESTILAH DIELAKKAN.

BELIAU BAGAIMANAPUN KAGUM DENGAN KEJAYAAN UMNO DALAM PEMILIKAN HARTA YANG BANYAK DI SELURUH NEGARA MELALUI BERBAGAI-BAGAI KEGIATAN DAN BERHARAP PERKARA INI DAPAT DIPERTINGKATKAN ASALKAN PERJUANGAN PARTI TIDAK DIABAIKAN. -- LAGI 1838/II

MAHATHIR - AMANAH 3 PELABUHAN KELANG

MENGENAI PERPADUAN ANTARA KAUM, PERDANA MENTERI BERHARAP USAHA MERAPATKAN LAGI KERJASAMA ANTARA SEMUA KAUM TIDAK TERHAD KEPADA KEGIATAN POLITIK SAHAJA, MALAH MERANGKUMI SETIAP BIDANG TERMASUK EKONOMI, SOSIAL, KEBUDAYAAN.

KATANYA, KERJASAMA ERAT YANG TELAH TERBUKTI SELAMA INI HANYA DALAM BENTUK KERJASAMA POLITIK SAHAJA SEPERTI YANG DITUNJUKKAN OLEH PERPADUAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

BELIAU YAKIN KALAU KERJASAMA YANG LEBIH ERAT DITUNJUKKAN DALAM SETIAP BIDANG YANG LAIN, NEGARA PASTI DAPAT MENCAPAI PRESTASI YANG LEBIH MENINGKAT DALAM SEMUA BIDANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP SEMUA PEKERJA DAPAT MENJADIKAN HARI PEKERJA YANG DIRAYAKAN SETIAP TAHUN SEBAGAI TITIK PERMULAAN BERNILAI SEMULA TANGGUNGJAWAB DAN SUMBANGAN YANG DAPAT DIBERIKAN OLEH SEMUA KEPADA NEGARA.

KATANYA, SUNGGUHPUN HARI PEKERJA DIRAYAKAN DI SELURUH DUNIA, IA TIDAK MEMBERIKAN APA-APA SUMBANGAN POSITIF KEPADA NEGARA INI KERANA TIDAK ADA NEGARA LAIN YANG SANGGUP MENJADIKAN HARI TERSEBUT SEBAGAI SUMBANGAN UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA INI.

'ITULAH SEBABNYA, INDIVIDU DI NEGARA INILAH SAHAJA YANG BOLEH MEMBANGUNKAN NEGARA INI DAN BUKAN OLEH ORANG LUAR,' TAMBAHNYA.  
-- LAGI 1843/II

MAHATHIR - AMANAH 4 PELABUHAN KELANG 'R'R'R

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN MENGENAI KONSEP KAMPUNG CONTOH YANG BELIAU KEMUKAKAN TIDAK LAMA DAHULU BERDASARKAN KEPADA CIRI-CIRI BERDIKARI, TOLONG MENOLONG DAN RAJIN BERUSAHA SEPERTI YANG DIAMALKAN OLEH ORANG-ORANG MELAYU DI KAMPUNG-KAMPUNG SEJAK DAHULU.

KONSEP ITU, TIDAK ADA KEMA MENGEMA DENGAN RANCANGAN MENDIRIKAN SEMULA SESEBUAH KAMPUNG DENGAN TERATUR, LENGKAP DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN, YANG KESEMUAANYA DIBUAT OLEH KERAJAAN DAN KEMUDIANNYA DIDUDUKI OLEH PENDUDUK YANG MEMOHON, TAMBAH BELIAU.

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HAJI AHMAD RAZALI ALI, MEMBIDAS ANGGOTA UMNO YANG MENJADIKAN PARTI INI SEBAGAI TEMPAT HENDAK MENDEPAKATKAN SESUATU FAEDAH KEBENDAAN BAGI KEPENTINGAN SENDIRI SEHINGGA MELUPAKAN MATLAMAT UTAMA PERJUANGAN PARTI.

KATANYA, SIKAP TERLALU MEMINTA ITU TIDAK BOLEH DIGALAKKAN KERANA IA AKAN MELEMAHKAN PERJUANGAN PARTI.

'SEPATUTNYA, SETIAP ANGGOTA BERTEKAD DAN BERSATU PADU MEMBINA SEMANGAT PROGRESSIF UNTUK MAJU SERTA MENGUATKAN SEMANGAT PERJUANGAN MEMBELA BANGSA DAN MASYARAKAT,' KATANYA LAGI. -- BERNAMA 1858/II